



MALAYSIA

**Warta Kerajaan**  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 33  
No. 19

**14hb September 1989**

*TAMBAHAN No. 55*  
*PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 271.

**AKTA PERGIGIAN 1971**

**PERINTAH PERGIGIAN (PINDAAN JADUAL KEDUA) 1989**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 12 (2) Akta Pergigian 1971, Menteri, selepas berunding dengan Majlis Pergigian Malaysia, membuat perintah yang berikut: *Akta 5f.*

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pergigian (Pindaan Jadual Kedua) 1989**. *Nama.*

2. Jadual Kedua kepada Akta Pergigian 1971 adalah dipinda— *Pindaan Jadual Kedua.*

(a) dengan memotong perkataan-perkataan "Dacca Dental College University of Dacca, Ramna, Dacca, East Pakistan" dan kelulusan yang berkaitan yang terdapat di bawah negeri "Pakistan"; dan

(b) dengan memasukkan selepas sahaja catatan-catatan bagi Australia, negeri, yaysan dan kelulusan yang berikut:

"Bangladesh	Dhaka Dental College, University of Dhaka, Ramna, Dhaka	Bachelor of Dental Surgery".
-------------	---	---------------------------------

Diperbuat pada 10hb Julai 1989.  
[KKM—60 (144) Jld. 5; PN. (PU<sup>2</sup>) 93.]

**NG CHENG KIAT,**  
*Menteri Kesihatan*

## DENTAL ACT 1971

## DENTAL (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 1989

*Act 51.* IN exercise of the powers conferred by section 12 (2) of the Dental Act 1971, the Minister, after consulting the Malaysian Dental Council, makes the following order:

*Citation.* 1. This Order may be cited as the **Dental (Amendment of Second Schedule) Order 1989.**

*Amendment of Second Schedule.* 2. The Second Schedule to the Dental Act 1971 is amended—

(a) by deleting the words “Dacca Dental College University of Dacca, Ramna, Dacca, East Pakistan” and the related qualification appearing under the country “Pakistan”; and

(b) by inserting immediately after the entries for Australia, the following country, institution and qualification:

“Bangladesh	Dhaka Dental College, University of Dhaka, Ramna, Dhaka	Bachelor of Dental Surgery”.
-------------	---	---------------------------------

Made the 10th July 1989.  
[KKM—60 (144) Jld. 5; PN. (PU<sup>2</sup>) 93.]

NG CHENG KIAT,  
*Minister of Health*

## P.U. (A) 272.

## AKTA MESIN CETAK DAN PENERBITAN 1984

## PERINTAH MESIN CETAK DAN PENERBITAN (KAWALAN HASIL PENERBITAN YANG TAK DIINGINI) (No. 9) 1989

*Akta 301.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 7 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Menteri membuat perintah yang berikut:

*Nama.* 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Mesin Cetak dan Penerbitan (Kawalan Hasil Penerbitan Yang Tak Diingini) (No. 9) 1989.**

*Larangan.* 2. Pencetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengelilingan, pengedaran atau pemilikan penerbitan yang diperihalkan dalam Jadual dan yang memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan adalah dilarang di seluruh Malaysia.